

07/09/1997

Tempias penjajahan bentuk baru

MINGGU ini dunia heboh dengan tragedi Puteri Diana. Sejak kemalangan jalan raya di Paris yang meragut nyawanya Ahad lalu hingga pengebumian beliau semalam, dunia bagaikan tidak puas-puas dengan kisah wanita yang diberi jolokan 'Puteri Rakyat' itu.

Ramai rasa sedih, kesal dan tidak kurang menangis termasuk penduduk negara ini yang tidak pernah bersua janda Putera Charles itu. Pelbagai ulasan dibuat mengenai Diana dan teman lelakinya, Dodi Al Fayed.

Malangnya, tidak ramai mengambil iktibar daripada tragedi Princess of Wales itu. Malah ada pihak terlalu mengagung-agungkan ibu kepada William, bakal raja England itu sehingga terlupa bumi dipijak.

Diana mati dalam usia muda - 36 tahun. Kematiannya sewajarnya menginsafkan dan rasanya tidak wajar untuk kita menyatakan rasa kesal di atas kejadian yang menimpanya.

Kita perlu sentiasa merenung nasib sendiri. Jika Diana mati dalam usia muda, adalah bijak untuk kita fikirkan giliran kita pula.

Mungkin esok, lusa dan seterusnya. Bagaimana persiapan kita bagi menghadapi hari mencemaskan itu?

Jika Diana mati dalam nahas ngeri, nasib kita belum diketahui. Mungkin lebih buruk, dan inilah perlu dibimbangi dan fikirkan.

Kurang bijak untuk kita mengetepikan soal ini sekali pun jika kita masih muda remaja. Ini kerana buah kelapa pun ada yang gugur masa muda!

Kematian Diana juga mendedahkan betapa pemikiran sesetengah daripada kita masih dijajah. Masakan tidak kerana sesetengah daripada kita terlalu mengagung-agungkannya sama ada dalam bentuk penyiaran berita ataupun sikap.

Ketika negara kita menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-40, kita menjerit: "Merdeka! Merdeka! Merdeka!", tetapi alangkah malunya apabila mendengar pemergian seorang wanita asing yang jasanya kepada negara ini boleh dipertikai, kita hilang punca - meratap dan memberi liputan meluas kepadanya seolah-olah dialah penyelamat kita. Mungkinkah ini salah satu tempias 'penjajahan bentuk baru' yang disebut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika sambutan Hari Kemerdekaan Ke-40 Tahun tempoh hari?

(END)